

03^{hb} April 2018

Kepada Badan atau Orang Perseorangan yang Berkepentingan,

**JEMPUTAN UNTUK MEMBUAT ULASAN BERKENAAN DENGAN PENILAIAN UTAMA
PENSIJILAN PIAWAIAN KELESTARIAN MINYAK SAWIT MALAYSIA (MSPO)**

Dengan sukacita kami menjemput pihak Tuan / Puan untuk menghadiri dan memberi komen di sesi rundingan seperti di atas.

TH Plantations Berhad – Kompleks Kluang yang merupakan sebuah syarikat perladangan di Malaysia, telah memohon kepada Global Gateway Certifications Sdn Bhd untuk melaksanakan penilaian pensijilan Piawaian Kelestarian Minyak Sawit Malaysia (MSPO).

Keperluan piawaian yang akan digunakan semasa proses pensijilan adalah:

- MS 2503-3: MSPO, “Bahagian 3: Prinsip-Prinsip Umum Untuk Ladang Sawit dan Pekebun-Pekebun Teratur”
- MS 2503-4: MSPO, “Bahagian 4: Prinsip-Prinsip Umum Untuk Kilang Minyak Sawit”

Seperti yang dijadualkan, penilaian pensijilan tersebut akan bermula pada **05^{hb} Mei 2018 – 06^{hb} Mei 2018** dan pada **12^{hb} Mei 2018**. Tarikh dan masa bagi perundingan pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

Tarikh : 06^{hb} Mei 2018
Masa : 11:30 pagi hingga 1:00 petang
Lokasi : TH Plantations Berhad – Kluang Complex,
Karung Berkunci 522,
86009 Kluang,
Johor, Malaysia.

Nota*: Sekiranya pihak Tuan /Puan tidak dapat menghadiri mesyuarat penilaian, pihak Tuan/Puan disarankan untuk bertemu Juruaudit dan memaklumkan sebarang ulasan ketika sesi audit berkenaan berlangsung.

Syarikat Pemohon	TH Plantations Berhad
Butiran Pemohon	Cik Aisyatul Aizzura Salha Abdul Rahim Head Sustainability and Investor Relations, TH Plantations Berhad, Menara TH Platinum, Level 31-35, No. 9 Persiaran KLCC, 50088, Kuala Lumpur. +603 2603 4821 aizzura@thplantations.com
Maklumat ringkas perniagaan pemohon	THP kini memiliki ladang dan kilang di negeri Johor, Pahang dan Terengganu di kawasan Semenanjung Malaysia dan juga negeri Sabah dan Sarawak. THP juga baru memperoleh tanah di Kalimantan Timur dan pembangunan secara aktif sedang berjalan.

	THP menghasilkan Buah Tandan Segar (BTS), Palm Kernel (PK) dan Minyak Sawit Mentah (MSM) untuk kegunaan pasaran di Malaysia.
--	--

MAKLUMAT KILANG KELAPA SAWIT YANG TERLIBAT DALAM SKOP PENSIJILAN INI.						
Nama kilang sawit (KKS)	Kapasiti Kilang MT/Jam	Lokasi Alamat	Rujukan GPS		Anggaran Pengeluaran Tahunan (MT)	
			Longitude	Latitude	CPO	Palm Kernel
Kilang Kelapa Sawit Bukit Lawiang	40	Peti Surat 114, 86007 Kluang, Johor	103°26'04.5"E	1°57'54.1"N	39,500	10,000

RANTAIAN BEKALAN BTS YANG TERLIBAT DALAM SKOP PENSIJILAN INI			
Nama Ladang / Pertubuhan	Rujukan GPS		Jumlah kawasan (Ha)
	Longitude	Latitude	Jumlah
Ladang Bukit Lawiang	103°26'04.5"E	1°57'54.1"N	1,076.66
Ladang Gunung Sumalayang	103°26'04.5"E	1°57'54.1"N	1,150.23
Jumlah			2,226.89

Perundingan dari pihak berkepentingan adalah salah satu aktiviti dalam utama dalam proses pensijilan, di mana semua pihak berkepentingan diminta untuk memberi pandangan yang boleh mempengaruhi keputusan samada keperluan MSPO dipatuhi.

Kami meminta anda mengemukakan sebarang isu, baik positif mahupun negatif melalui surat, fax atau e-mel kepada Global Gateway Certifications Sdn Bhd. Tuan/ Puan boleh menghadiri sesi bersama pihak berkepentingan semasa audit. Sebagai rujukan, anda boleh mempertimbangkan isu-isu seperti berikut;

- Perlindungan alam sekitar
- Pemulihan kepelbagaian biologi
- Pengwujudan peluang pekerjaan
- Penyediaan perumahan, sanitasi, dan pendidikan sokongan
- Pendekatan syarikat dalam perkembangan masyarakat
- Mengambil bahagian dalam membuat keputusan
- Isu-isu yang lain baik positif atau negatif yang anda fikir relevan kepada penilaian.

Sila hantar pandangan / komen anda kepada:

Global Gateway Certifications Sdn Bhd

**Pengurus Pensijilan,
Global Gateway Certifications Sdn Bhd,**

No.10, Jalan Rasmi 7,
Taman Rasmi Jaya,
68000 Ampang,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.
Telephone: +60 3 4256 2689 ,

Fax: +60 3 4256 2687

Email: admin@ggc.my

Maklumat terperinci anggota Juruaudit:

Muhammad Syafiq Abd Razak (Ketua Juruaudit)

Siswazah dalam pengurusan ladang dengan lebih daripada 7 tahun pengalaman dalam pelbagai syarikat perladangan dan kemahiran dalam Amalan Pertanian Baik (GAP) termasuk Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM). Sepenuhnya dilatih dalam program pensijilan pertanian seperti RSPO, SCCS, MSPO dan lain-lain. Layak sebagai Ketua Juruaudit / Juruaudit dalam beberapa program pensijilan. Terlibat dalam RSPO dan penilaian MSPO sejak 2014. Terlibat dalam audit dijalankan di beberapa syarikat yang berbeza di Malaysia, Indonesia, Australia, Pakistan, Arab Saudi dan Ivory Coast. Dilengkapkan dengan kursus MSPO Audit pada tahun 2014 (Batch ke-3) yang dikelolakan oleh MPOB. Ahli pasukan audit GGC.

Berpengalaman dalam mengendalikan ladang kepala sawit di kawasan mineral dan tanah gambut. Berpengetahuan dalam kawalan rumpai dan perosak & penyakit dalam sektor kelapa sawit. Memahami berhubung Industrial dan undang-undang buruh. Menghadiri OSH 1994 & Peraturan-Peraturan dan Kilang dan Jentera 1967 dan Peraturan Latihan. Mengambil bahagian dalam Bengkel Penanam Kelapa Sawit di tanah gambut di Bogor, Indonesia. Menghadiri Latihan Penilaian Kesan Sosial di Bogor, Indonesia anjuran Remark Asia. Juga, telah menghadiri latihan untuk RSPO GHG pada tahun 2015 di Kuala Lumpur. Boleh bertutur dan memahami Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Ismadi bin Hj Ismail (Juruaudit Sokongan)

Beliau memiliki Diploma Pengurusan Perladangan dari Institut Teknologi MARA, Kuantan, Pahang. 24 tahun pengalaman dengan syarikat-syarikat perladangan dan mempunyai kemahiran bekerja dalam Amalan Pertanian Terbaik (GAP) untuk perladangan. Sepenuhnya dilatih dalam CoP, MSPO dan OSHAS. Layak sebagai Ketua Juruaudit / Juruaudit untuk MSPO dan CoP. Terlibat dalam penilaian MSPO sejak 2017. Menghadiri kursus juruaudit MSPO pada tahun 2017 yang dikendalikan oleh SGS (M) Sdn Bhd. Ahli pasukan MSPO audit GGC. Boleh bertutur dan memahami Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Ismadi bin Hj Ismail (Juruaudit Sokongan)

Beliau memiliki Ijazah Pengurusan Ladang dari Universiti Putra Malaysia (UPM). Mempunyai 30 tahun pengalaman dengan syarikat-syarikat perladangan dan berkemahiran bekerja dalam Amalan Pertanian Terbaik (GAP) untuk perladangan. Sepenuhnya dilatih dalam MSPO dan berkelayakan sebagai Ketua Juruaudit / Juruaudit untuk MSPO. Terlibat dalam penilaian MSPO sejak 2015. Menghadiri kursus juruaudit MSPO pada tahun 2015 yang dikendalikan oleh DQS Certification (M) Sdn Bhd. Ahli pasukan MSPO audit GGC. Boleh bertutur dan memahami Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.




Komen yang diterima dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat ini akan dipertimbangkan . Sila sertakan maklumat bertulis dalam format berikut untuk kami menghubungi anda (jika perlu) untuk mendapat penjelasan terperinci mengenai isu-isu yang dibangkitkan.

Nama : _____
Alamat : _____
E-mel : _____
Nombor Telefon : _____
Ringkasan Isu : _____

Jika komen anda ingin dirahsiakan, sila tanda perkataan “SULIT” di penjuru atas borang tersebut.

Sekina. Terima kasih.

Yang benar,



Muhammad Syafiq bin Abd Razak
Ketua Juruaudit,
Global Gateway Certifications Sdn Bhd